



PENERIMAAN DAN KEPENGGUNAAN *VLE FROG*
SEBAGAI MEDIA PENGAJARAN DALAM
KALANGAN GURU SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN TAMIL



SANTHAANABARATH A/L MUNIANDY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



PENERIMAAN DAN KEPENGGUNAAN *VLE FROG* SEBAGAI MEDIA
PENGAJARAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN TAMIL

SANTHAANABARATH A/L MUNIANDY

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KOMPUTERAN INTERNET)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ..08...(hari bulan)..~~Februari~~.. (bulan) 20..~~22~~..

i. Perakuan pelajar :

Saya, SANTHAANABARATH A/ MUNIANDY, M20152001644, FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENERIMAAN DAN KEPENGGUNAAN VLE FROG SEBAGAI MEDIA PENGAJARAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH KENIS KEBANGSAAN TAMIL

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

SANTHAANABARATH

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. CHE SOH BIN SAID (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENERIMAAN DAN KEPENGGUNAAN VLE FROG SEBAGAI MEDIA PENGAJARAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (KOMPUTERAN INTERNET) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10/03/2022

Tarikh

Ram

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENERIMAAN DAN KEPENGGUNAAN VLE FROG SEBAGAI MEDIA PENGAJARAN
DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH KENIS KEBANGSAAN TAMIL

No. Matrik / Matric's No.: M20152001644
Saya / I : SANTHAANABARATH A/ MUNIANDY

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (☒) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (☒) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

SANTHAANABARATH

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 11/03/2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Dr Che Soh bin Said
Pensyarah Kanan
Jabatan Komputeran
Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim
Perak Darul Ridzuan

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Pertama sekali, dipanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan kerana limpahan kurnia dan rahmatnya saya dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Seterusnya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Che Soh Bin Said dan Profesor Madya Dr. Shamsul Arrieya Bin Ariffin di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya bermula kajian ini dijalankan sehingga selesainya kajian ini dilaksanakan.

Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi bantuan kepada saya sepanjang melaksanakan kajian dan dalam penghasilan tesis saya ini. Tidak dilupakan juga pensyarah yang lain kerana telah mencurahkan ilmu kepada kami semua. Selain itu, turut diingati bapa saya, Muniandy A/L Sackare yang sentiasa memberikan dorongan dan semangat dalam menyiapkan kajian ini.



Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Semoga hasil kajian ini dapat menjadi rujukan dan manfaat kepada orang lain. Sekian





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui penerimaan dan kepenggunaan VLE Frog sebagai media pengajaran dalam kalangan guru-guru sekolah rendah SJKT di daerah Kuala Langat. Penggunaan teknologi pendidikan aplikasi VLE Frog ini akan membantu golongan guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji faktor sikap guru, keperluan topik pelajaran dan kemudahan internet terhadap penerimaan dan kepenggunaan VLE Frog. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kuantitatif kolerasi dengan Model *Technology Acceptance Model* (TAM) melibatkan 144 responden daripada 13 buah sekolah. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan manakala analisis statistik inferensi pula menunjukkan terdapat hubungan signifikan di antara sikap guru, keperluan topik dan kemudahan internet dengan kepenggunaan VLE Frog sebagai media pengajaran dalam kalangan guru-guru sekolah rendah SJKT di daerah Kuala Langat. Implikasi kajian ini mendapati bahawa setiap pihak yang berkait rapat dengan sekolah dapat mengambil manfaat dengan mengetahui tahap pengetahuan yang dimiliki lalu menggunakannya dengan lebih berkesan dalam penyampaian ilmu di sekolah.



ACCEPTANCE AND USE OF VLE FROG AS A TEACHING MEDIA AMONG NATIONAL PRIMARY TAMIL SCHOOL TEACHERS

ABSTRACT

This study was conducted to determine the effect of 'VLE FROG' application usage and teacher satisfaction on this application. The effectiveness of this application is important for teaching and learning. Therefore, studies related to the acceptance of the learning environment by using the VLE Frog among the Tamil teachers in the Kuala Langat District area need to be implemented to see the extent of their acceptance of ICT integration in teaching and learning. The methodology used in this study is a quantitative study of correlation with the Technology Acceptance Model (TAM) involving 144 respondents from 13 schools. The results of this study will identify the attitude of teachers in the use of VLE Frog as a medium in the teaching process. Firstly, this study will identify the level of perceived usefulness of VLE Frog learning among teachers. Both identify the factors of teacher attitude that confront the adoption of VLE Frog learning outcomes among teachers. Thirdly, it will identify the needs of the subjects that have the potential to accept the use of VLE Frog learning among teachers. Fourth, it identifies internet access factors that influence the acceptance of VLE Frog learning among teachers. This study uses quantitative data collection techniques.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	ix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Hipotesis Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Skop Kajian	10
1.8 Batasan Kajian	12
1.9 Kerangka Konseptual	12
1.10 Definisi Operational	14
1.11 Rumusan	16

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	17
2.2 Model TAM	17
2.3 Strategi Kepenggunaan Pembelajaran TMK Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	19
2.4 Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Malaysia	22
2.5 Faktor-Faktor Penggunaan <i>VLE Frog</i>	27
2.6 Kajian-Kajian Lepas Yang Berkaitan	29
2.7 Rumusan	31

BAB 3 METHODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	33
3.2 Rekabentuk Kajian	33
3.3 Lokasi Kajian	34
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	36
3.5 Instrumen Kajian	37
3.6 Kajian Rintis	40
3.7 Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen Kajian	41
3.8 Kaedah Pengumpulan Data	42
3.9 Kaedah Penganalisan Data	42

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	47
4.2 Maklumat Responden	47
4.3 Tahap Kepenggunaan (<i>Perceived Usefulness</i>) dan Kemudahan Penggunaan (<i>Perceived Ease Of Use</i>) Pembelajaran Penggunaan <i>VLE Frog</i>	53
4.4 Hubungan Faktor-Faktor Mempengaruhi Kepenggunaan <i>VLE Frog</i>	54
4.5 Rumusan	57

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan	59
5.2 Rumusan Hasil Kajian	59
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	60
5.4 Implikasi Kajian	71
5.5 Cadangan Kajian	72
5.6 Rumusan	74

RUJUKAN	77
---------	----



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual	13
2.1 Model TAM	22
2.2 Penggunaan TMK dalam Peruntukan Pendidikan	28
4.1 Maklumat Jantina Responden	48
4.2 Maklumat Umur Responden	49
4.3 Maklumat Tahap Kelulusan Akademik Responden	50
4.4 Maklumat Tempoh Perkhidmatan Responden	51





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Di Malaysia, Pembangunan kurikulum merupakan satu proses yang dinamik dan berterusan serta sentiasa mengalami perubahan dari masa ke masa (Ahmad, Jailini & Noraini, 2005). Pada tahun 2011, satu transformasi dalam sistem kurikulum iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dilaksanakan. Tujuan perlaksanaan adalah untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan disamping melahirkan murid yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai nilai yang relevan untuk menghadapi cabaran abad ke-21 (Bahagian Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).

Tumpuan sukatan pelajaran KSSR memberi tumpuan terhadap penguasaan murid dengan menekan tiga bidang penggunaan bahasa iaitu interpersonal yang membolehkan murid memulakan, membina dan mengekalkan hubungan dengan rakan rapat melalui perkongsian idea semasa berinteraksi sosial, bidang maklumat membolehkan murid memperoleh dan menyampaikan maklumat serta ilmu kepada pihak tertentu serta dalam bidang estetik membolehkan murid menikmati bidang sastera, bercerita serta melahirkan





idea dan perasaan secara kreatif serta menghayati dan menjiwai unsur-unsur serta nilai-nilai seperti kerohanian, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan yang sekaligus membentuk sahsiah murid secara harmonis. (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2012).

Proses pengajaran yang mempunyai ciri-ciri yang menarik, bermakna, mencabar dan berkesan penting untuk perkembangan diri murid dari segi mental dan sahsiah serta perkembangan penguasaan bahasa. Menurut Rajenderan (2016) dalam kajiannya, menyatakan bahawa proses pengajaran yang berkesan seharusnya mempunyai ciri-ciri yang menarik, bermakna serta mencabar yang selaras dengan perkembangan diri murid dari segi mental dan sahsiah serta perkembangan penguasaan bahasa. Pelajaran yang bermakna memberi faedah secara langsung kepada murid iaitu membina sahsiah harmonis serta meningkatkan motivasi belajar supaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan (Rajendran, 2016).

Tanner dan Scott (2015) menyatakan penggunaan teknologi dalam persekitaran pembelajaran bermanfaat kerana menyediakan murid dengan akses yang luas kepada sumber yang kaya dan bahan pembelajaran tanpa terhad di dalam kelas sahaja. Beliau juga membuktikan bahawa pedagogi yang menyeluruh dan jelas perlu dilaksanakan untuk melaksanakan pendidikan tanpa sempadan. Kumar dan Eron (2014), menggambarkan penggunaan kaedah pembelajaran yang mengintegrasikan teknologi maklumat membantu meningkatkan pencapaian murid dalam pendidikan serta membantu murid melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan aktif. Kajian mereka juga membuktikan bahawa penggunaan kaedah kelas berbalik menerusi *VLE (Virtual Learning*





Environment) Frog telah menyumbang kepada perkembangan murid ke arah yang positif.

Kajian Christie (2011) mendapati guru dan murid didedahkan dengan kelas berbalik setiap hari menerima kesan yang menampakkan peningkatan dalam aspek pencapaian murid dalam akademik serta dalam penglibatan murid di dalam kelas. Hasil kajian mereka membuktikan bahawa murid dan juga warga guru menunjukkan sikap minat dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran seperti dalam menyiapkan tugas yang diberi oleh guru. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), salah satu aspek yang dibincangkan adalah mewujudkan persekitaran pembelajaran maya (VLE) melalui 1 BestariNet. VLE merupakan suatu platform yang direka untuk meningkatkan taraf pengajaran dan pembelajaran dalam menuju ke dunia pendidikan abad ke-21. Menurut Norazilawati, (2014) setiap murid perlu mempunyai akses kepada pendidikan berkualiti dan teknologi yang mencorak dunia masa kini dan VLE menyediakan tapak akses untuk setiap murid. Ia juga menyediakan akses seperti pengisian pembelajaran, ujian, kerja rumah, gred, penilaian dan sebagainya. Murid- murid boleh berinteraksi satu sama lain dalam ruang sosial dalam VLE ini. Menurut Weller (2007), VLE menyediakan *widget* seperti muat naik kandungan, soal selidik, wiki, blog, chat, forum dan lain-lain lagi.

Tambahan, dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 yang semakin berkembang ini, pelbagai jenis peralatan dan kemudahan dalam penggunaan teknologi telah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan pencapaian dan pemahaman murid dalam pendidikan yang mampu bersaing di persada dunia. Salah satu yang kian mendapat sambutan yang baik di luar negara ialah pendekatan konsep bilik darjah berbalik iaitu "*flipped classroom*". Berdasarkan konsep ini, Zamzami &





Mohammad (2015) menyatakan bahawa guru beralih dari pembelajaran dalam bilik darjah ke konsep pembelajaran luar bilik darjah dengan disokong dengan penggunaan beberapa teknologi seperti video, blog, web dan sebagainya. TMK merupakan satu elemen yang penting yang mana perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Norsidah, Rosnaini & Mokhtar (2012) mendapati bahawa para guru masih lagi menggunakan TMK pada kadar yang rendah di sekolah. Oleh itu, kajian yang berkaitan penerimaan persekitaran pembelajaran dengan menggunakan *VLE Frog* dalam kalangan guru-guru Tamil di kawasan Daerah Kuala Langat perlu dilaksanakan bagi melihat sejauh mana penerimaan mereka terhadap pengintegrasian TMK dalam pengajaran dan pembelajaran.



1.2 Pernyataan Masalah

Menurut Razman Mohamad (2015), pembelajaran bahasa merupakan satu proses penyusunan dan perancangan yang dilakukan di peringkat awal agar murid dapat menguasai kandungan sepanjang proses pembelajaran dilakukan dalam kelas. Namun, didapati murid-murid yang mengikuti kelas bahasa Tamil menghadapi masalah dalam menguasai bidang Sastera kerana dianggap sukar untuk difahami dan dipelajari (Deepa & Prema, 2013). Hal ini kerana walaupun murid mempelajari sastera moden mengikut sukatan pelajaran KSSR, tetapi isi kandungannya diambil dan diubahsuai daripada sastera lama yang meliputi ‘sangam pertama’, ‘sangam kedua’ dan zaman-zaman lain. Maka, guru harus memperbaharui teknik pengajaran agar dapat menarik minat murid belajar dalam mata pelajaran bahasa Tamil.



Sementara itu, hasil kajian Siti Hajar dan Suguneswary (2016) mendapati penggunaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Tamil dapat meningkatkan minat dan efikasi murid dalam mengikuti topik yang diajar. Namun, kajian Vespanathan (2015) mendapati guru-guru jarang menggunakan alat TMK sebagai bahan bantu mengajar di sebabkan pelbagai faktor antaranya, pengetahuan dan kemahiran guru dalam menggunakan alat TMK tersebut dan sebagainya. Ini memudaratkan keinginan pelajar dalam menduduki dan mengikuti subjek yang diajar oleh guru di sekolah.

Kajian Wahab, Kamaliah dan Hasrina (2006) juga mendapati bahawa faktor kemudahan yang tidak mencukupi seperti pekakasan komputer dan internet yang menghalang guru menggunakan komputer dalam pengajaran. Malah, kajian ini mendapati bahawa guru-guru perlu menggunakan peralatan komputer untuk mengajar menggunakan *VLE Frog* sebagai salah satu kaedah pengajaran. Seajar dengan itu, hasil kajian ini akan mengenal pasti perhubungan antara kemudahan internet dengan penggunaan *VLE Frog* dalam aktiviti pengajaran.

Walaupun kajian yang dijalankan oleh Harun & Zaidatun Tasir (2003) mendapati bahawa penggunaan elemen TMK dalam proses penyampaian maklumat berupaya untuk merangsang minat murid kerana membawa unsur realistik atau sebenar yang dapat mempengaruhi perasaan dan emosi murid dengan lebih nyata. Namun, guru masih menghadapi masalah dalam menggunakan video sebagai media pengajaran disebabkan beberapa faktor utama antaranya kemudahan yang diperuntukan, kemahiran menggunakan

komputer dan sikap guru itu sendiri (Siti Hajar & Suguneswary, 2016). Ini adalah kerana penggunaan TMK dalam proses P&P, guru mempunyai peluang untuk berinteraksi dan berkemampuan untuk memberi lebih perhatian kepada murid.

Hasil kajian Alagesan (2012) meletakkan faktor sikap sebagai faktor utama yang menentukan penggunaan teknologi sebagai bahan bantu mengajar. Kegagalan guru dalam mengaplikasi teknologi dalam pengajaran dapat memberi impak negatif terhadap hasrat kerajaan dalam mengeintegrasikan teknologi dalam pendidikan sejajar dengan perkembangan sistem pendidikan global. Hasil kajian Alagesan (2012) juga menunjukkan tahap penggunaan TMK sebagai bahan bantu mengajar berada pada aras yang sederhana dan faktor perkakasan komputer menjadi faktor utama kepada wujudnya kejadian ini.

sekolah-sekolah sama ada sekolah yang berada di bandar mahupun sekolah di kawasan luar bandar. Nurul Farhana (2013), dalam kajiannya menyatakan bahawa terdapat beberapa cabaran utama dalam perlaksanaan *VLE Frog* di sekolah. Menurut beliau, *VLE Frog* adalah satu sistem berasaskan web yang menyerupai dunia pendidikan sebenar dengan mengintegrasikan pendidikan konvensional dalam persekitaran maya. Walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan *VLE Frog* ini semenjak tahun 2012, namun pengimplementasian *VLE Frog* dalam kalangan guru masih belum menyeluruh. Hasil kajian beliau juga membuktikan bahawa infrastruktur TMK dan motivasi daripada pentadbir mempunyai hubungan yang positif dengan sikap terhadap penggunaan *VLE Frog* sekaligus menjadikannya sebagai cabaran utama dalam mengimplementasikan *VLE Frog*.

Md Daud, Nur Syuhada dan Roshayati (2016) mendapati bahawa tekanan kerja yang dihadapi oleh guru menyebabkan guru merasai beban dalam menggunakan pembelajaran elektronik atau pembelajaran maya (*online learning*) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam pada hal itu, tekanan kerja yang dihadapi oleh guru menyebabkan guru merasakan beban dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran terutamanya kaedah pengajaran yang menggunakan e-pembelajaran. Tambahan, kajian Farhana (2013) mendapati guru-guru menghadapi cabaran dan kekangan dalam melaksanakan *VLE Frog* di sekolah. Hasil daripada tinjauan beliau terdapat antara sekolah yang telah dibekalkan dengan kemudahan internet masih tidak menampakkan perlaksanaan *VLE Frog* secara berleluasa. Beliau juga menyatakan terdapat beberapa faktor utama yang menyumbang kepada keadaan ini berlaku. Maka, hasil kajian ini akan mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada kepenggunaan *VLE Frog* dan juga tahap kepenggunaan *VLE Frog* dalam kalangan guru.

Secara langsung, ia menunjukkan faktor sikap guru yang menjadi penghalang dalam menggunakan *Frog VLE* dalam proses pengajaran oleh guru. Hasil kajian Rohayati (2013) juga menunjukkan bahawa sikap guru mempunyai hubungan yang rapat dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai media proses pengajaran dan pembelajaran. Namun kajian beliau mendapati bahawa guru-guru menunjukkan kurang minat dalam menggunakan teknologi dalam proses pengajaran bagi matapelajaran sains dan Bahasa Inggeris. Sementara itu, Nur Fatin (2015) mengatakan bahawa guru-guru mengambil mudah tentang persediaan pembelajaran yang menggunakan teknologi. Kajian

beliau mendapati bahawa guru memberikan banyak alasan bagi mengelakkan daripada menggunakan teknologi maklumat sebagai media dalam proses pengajaran.

Kajian yang dijalankan oleh Hajiman (2002) mendapati bahawa kemudahan internet telah disediakan oleh pihak berkuasa demi mempraktikkan diri guru dalam menggunakan internet sebagai media pengajaran namun didapati ramai guru menggunakan internet demi kepentingan sendiri dan juga bagi tujuan hiburan. Ini menyukarkan guru dalam menggunakan internet demi tujuan pendidikan. Justeru, Abdul Halim dan Fatihah (2008) mengatakan bahawa sukatan dan topik pendidikan kini memerlukan penggunaan teknologi dalam pembelajaran agar pengajaran guru menjadi lebih efektif dan menarik minat pelajar namun guru-guru mencari jalan mudah dengan tidak menggunakan teknologi dalam pengajaran.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mengemukakan empat objektif seperti yang berikut:

1. Mengetahui tahap penerimaan kepenggunaan (*perceived usefulness*) pembelajaran *VLE Frog* dalam kalangan guru.
2. Mengetahui hubungan faktor sikap guru dengan penerimaan kepenggunaan pembelajaran *VLE Frog* dalam kalangan guru.
3. Mengetahui hubungan faktor keperluan topik pelajaran dengan penerimaan kepenggunaan pembelajaran *VLE Frog* dalam kalangan guru.
4. Mengetahui hubungan faktor kemudahan internet dengan penerimaan kepenggunaan pembelajaran *VLE Frog* dalam kalangan guru.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan cuba menjawab soalan-soalan yang berikut:

5. Sejauhmanakah tahap penerimaan kepenggunaan (perceived usefulness) pembelajaran VLE Frog dalam kalangan guru?
6. Adakah terdapat hubungan antara faktor sikap guru dengan penerimaan kepenggunaan pembelajaran VLE Frog dalam kalangan guru?
7. Adakah terdapat hubungan antara faktor keperluan topik pelajaran dengan penerimaan kepenggunaan pembelajaran VLE Frog dalam kalangan guru?
8. Adakah terdapat hubungan antara faktor kemudahan internet dengan penerimaan kepenggunaan pembelajaran VLE Frog dalam kalangan guru?

1.5 Hipotesis Kajian

Pengkaji telah menyenarai beberapa hipotesis kajian bagi mengenal pasti tahap dan faktor dalam pelaksanaan pembelajaran *VLE Frog*. Berikut adalah hipotesis nol yang telah dirangka oleh pengkaji:

H₀₁ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru terhadap penerimaan kepenggunaan pembelajaran *VLE Frog*.

H₀₂ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keperluan topik pelajaran terhadap penerimaan kepenggunaan pembelajaran *VLE Frog*.

H₀₃ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemudahan internet terhadap penerimaan kepenggunaan pembelajaran *VLE Frog*.

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan faedah kepada semua pihak terutamanya dalam peningkatan pemahaman guru dalam proses pengajaran dengan penggunaan *VLE Frog* dan turut kajian ini boleh menjadi salah satu rujukan mahupun panduan kepada Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pelajaran Malaysia kerana dapat mengetahui sama ada kaedah pengajaran menggunakan *VLE Frog* dapat memanfaatkan guru dalam mengajar. Kajian ini juga diharapkan menjadi sebagai garis panduan kepada guru-guru sekolah rendah untuk menggunakan *VLE Frog* dalam pengajaran KSSR di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) di seluruh Malaysia.

Kajian ini boleh menjadi panduan kepada panitia mata pelajaran dan bahasa di sekolah. Pihak panitia haruslah memikirkan dan memilih kaedah pengajaran yang berkesan agar dapat menginterpretasikan kandungan kurikulum ke dalam bentuk yang sesuai berdasarkan latar belakang murid dan perkembangan teknologi maklumat komunikasi (TMK) semasa. Seterusnya kajian ini boleh membantu guru dalam mengetahui hubungan antara penggunaan *VLE Frog* dengan faktor yang menentukan dalam penggunaannya.

1.7 Skop Kajian

Menurut Ahmad (2005) skop kajian boleh dibahagikan kepada tiga iaitu skop masa, tempat dan skop kajian. Dari sudut skop masa, pengkaji menjalankan kajian ini bagi tempoh tahun 2017/2018. Manakala, skop tempat pula menunjukkan kajian ini dijalankan di daerah Kuala Langat. Kesemua responden kajian ini mempunyai satu ciri yang sama yang mana mereka mengajar bahasa Tamil dan beropsyen bahasa Tamil.

Pengkaji juga menetapkan penggunaan model *Penerimaan Symbolic Adoption (PSA)* yang dikenal pasti oleh Nah (2004) dalam kajiannya. Model ini merupakan model yang mengkaji sikap pengguna teknologi dalam penggunaan teknologi dan model ini merupakan turunan dari Model TRA (*Theoritical of reasoned action*) dan model TAM (*Technology Acceptance Model*). Seterusnya, pengkaji juga menggunakan kaedah kuantitatif sebagai rekabentuk kajian ini. Ini adalah sejajar dengan lokasi kajian yang merangkumi kawasan yang luas. Maka, pengkaji mengedarkan kertas soal selidik kepada semua sampel kajian yang dipilih.

Seterusnya, pengkaji menjalankan kajian ini di daerah Kuala Langat dan ini adalah selaras dengan laporan penggunaan *VLE Frog* di sekolah jenis kebangsaan. Berdasarkan analisis oleh Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat terdapat kebanyakan sekolah jarang menggunakan *VLE Frog* dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Hanya 43% guru yang aktif dalam menggunakan *VLE Frog* ini dan pengkaji telah mengenal pasti semua sekolah yang kurang login oleh populasi guru berdasarkan laporan Bahagian Teknologi Pendidikan Selangor (2017). Pengkaji menjadikan laporan ini sebagai aras bagi menentukan guru dalam penggunaan teknologi khususnya *VLE Frog* sebagai bahan bantu mengajar.

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dipilih untuk kajian ini kerana kebanyakan kajian dilakukan di sekolah kebangsaan sahaja. Mata pelajaran Bahasa digunakan sebab banyak kajian dilakukan secara umum. Oleh itu, kajian ini memberi fokus kepada Bahasa sahaja.

1.8 Batasan Kajian


Kajian ini terbatas kepada 144 orang guru-guru yang mengajar kelas bahasa Tamil sebagai bahasa tambahan di tiga belas buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dari daerah Kuala Langat. Memandangkan peruntukkan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi adalah terhad, maka hanya satu peralatan teknologi yang dikenal pasti dan digunakan oleh semua sekolah iaitu penggunaan *VLE Frog* dalam melaksanakan P&P. Selain itu, batasan kajian lain yang terdapat dalam pelaksanaan kajian ini adalah penggunaan soal selidik sebagai instrumen utama dalam pengutipan data kajian. Pengkaji telah menetapkan kaedah kuantitatif dengan mengedar set soal selidik kepada guru-guru untuk mendapatkan respon tentang penggunaan *VLE Frog* dalam kalangan guru.

1.9 Kerangka Konseptual

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini. Pengkaji telah memilih Model TAM dan UTAT. Rasional penggunaan model ini adalah kerana model ini digunakan untuk mengenali tahap penggunaan dan penerimaan teknologi terutamanya penggunaan *VLE Frog* sebagai dalam konteks kajian ini. Model ini merupakan model revisi terhadap model penerimaan TAM yang berfokus untuk mengukur penerimaan pengguna terhadap sistem yang bersifat sukarela. Maka model

ini, dapat mengkaji kepenggunaan *VLE Frog* sebagai teknologi dalam proses pengajaran yang mengandungi tiga aspek sebagai faktor kepenggunaan *VLE Frog* iaitu sikap guru, keperluan topik pengajaran dan kemudahan internet. Pengkaji menggunakan model ini sebagai panduan dalam melaksanakan kajian ini agar mengkaji hubungan antara ketiga-tiga faktor ini dengan kepenggunaan *VLE Frog*.

Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan *VLE Frog*



Rajah 1.1. Kerangka Konsepsual

Berdasarkan Rajah 1.1 diatas menunjukkan tiga pemboleh ubah yang menjadi faktor yang mempengaruhi penggunaan *VLE Frog* dalam kalangan guru. Faktor sikap guru yang dimaksudkan dalam kajian merupakan naluri atau kesediaan guru dalam

menguruskan masa dan juga merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam mengintegrasikan penggunaan elemen *VLE Frog*. Manakala, faktor kemudahan internet merupakan penyediaan perkakasan dan juga internet bagi menggunakan elemen *VLE Frog* dalam aktiviti pengajaran. Akhir sekali, faktor keperluan topik pengajaran merupakan aspek yang mengukur tahap permintaan sesuatu topik pengajaran terhadap kepenggunaan *VLE Frog* sebagai alat pengajaran. Maka, dalam hasil kajian ini dapat mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada penggunaan *VLE Frog*.

1.10 Definisi Operational

1.10.1 Pengajaran

Menurut Muhd Fauzi (2008), proses pengajaran merupakan elemen penting dalam memastikan murid dapat mengikuti isi kandungan subjek yang disampaikan. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, pengkaji mendefinisikan pengajaran sebagai sebagai aktiviti menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada murid dengan cara yang betul.

1.10.2 *VLE Frog*

Sistem pembelajaran berasaskan laman web yang menyerupai pendidikan dunia sebenar dengan menyatukan konsep pendidikan konvensional. Kaur dan Noorma Hussein (2014) menyatakan *Frog Virtual Learning Environment (VLE)* atau *VLE Frog* adalah kaedah pengajaran di Malaysia yang mengembangkan teknologi internet dalam pendidikan menerusi Projek 1BestariNet. Ia menggunakan asas perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar berkelajuan tinggi, Yes 4G. Dalam konteks kajian ini, *VLE Frog* merupakan satu teknik penyelesaian bersepadu dalam membolehkan pembelajaran dan kolaborasi yang boleh

diakses oleh pihak sekolah dan murid.

1.10.3 Sikap Guru

Nur Izzati (2011), mendefinisikan sikap guru sebagai satu keadaan minda tersusun dan neutral dalam melakukan sesuatu tindakan. Manakala, dalam kajian ini, sikap guru adalah merujuk pada keyakinan dan ciri-ciri guru dalam menerima dan melaksanakan *VLE Frog* dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

1.10.4 Kemudahan Internet

Marlin (2008) mengatakan kemudahan internet sebagai penyediaan perkakasan dan perisian serta kemudahan rangkaian bagi memudahkan dalam mengakses internet bagi tujuan mencari dan mencapai maklumat. Dalam konteks kajian ini, kemudahan internet merupakan kemudahan rangkaian yang disediakan disediakan di sekolah bagi tujuan mengakses *VLE Frog*.

1.10.5 Keperluan Topik pengajaran

Faez & Kamarul (2011) keperluan topik pengajaran merupakan kehendak akademik yang memerlukan sesuatu syarat yang harus dipenuhi demi meningkatkan pencapaian dan prestasi pelajar. Dalam konteks kajian ini, keperluan topik pengajaran merupakan faktor yang meminta subjek matapelajaran dalam menggunakan *VLE Frog* sebagai peralatan pengajaran.

1.11 Rumusan

Secara kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa penggunaan *VLE Frog* membawa kepada perubahan dalam proses pengajaran terutamanya sistem pendidikan pada abad ke 21 yang mana murid perlu mengakses pengajaran pada bila-bila masa dari semua tempat. Maka, kajian ini akan menentukan faktor yang menjadi penyumbang kepada penggunaan kaedah *VLE Frog* dalam pengajaran.